

KAJIAN RINTIS KESEDARAN MASYARAKAT TERHADAP PERANAN WALI KEPADA ANAK YATIM DI NEGERI SELANGOR

**Siti Zaleha binti Ibrahim, Hasliza binti Talib, Norsaadah binti Din @ Mohamad
Nasirudin, Noraini binti Mohamad, Prof Madya Dr Mek Wok binti Mahmud & Siti
Nur Husna Abd Rahman**

sitizaleha@kuis.edu.my

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor

ABSTRAK

Kajian rintis telah dilakukan di sekitar Bandar Baru Bangi dan Kajang dalam kalangan 90 orang masyarakat awam yang berumur lingkungan 20-70 tahun bagi mengumpulkan pandangan mereka mengenai kesedaran masyarakat terhadap peranan wali kepada anak yatim di Negeri Selangor. Dapatan kajian menunjukkan tahap kesedaran masyarakat terhadap peranan wali kepada anak yatim di negeri Selangor diukur menerusi empat dimensi iaitu kesedaran masyarakat terhadap penjagaan, pengurusan nafkah, pengurusan harta dan pengurusan anak yatim. Keseluruhannya menunjukkan bahawa kesedaran masyarakat adalah berada pada tahap skor yang tinggi. Hasil kajian diharapkan agar masyarakat dapat memahami peranan dan tanggungjawab wali sebagaimana yang ditetapkan dalam Islam bagi memastikan institusi keluarga dan kebajikan anak-anak yatim terus terpelihara.

Kata kunci: kesedaran masyarakat, peranan wali, anak yatim di Negeri Selangor

ABSTRACT

A pilot study was conducted around Bandar Baru Bangi and Kajang among 90 civil society aged 20-70 years to gather their views on community awareness of the role of caregivers for orphans in Selangor. The findings show that the level of public awareness on the role of caregivers for orphans in Selangor is measured through four dimensions, namely community awareness of care, maintenance management, property management and orphanage management. Overall, community awareness is at a high level of scores. The results of the study are expected to enable the community to understand the roles and responsibilities of the trustees as set out in Islam to ensure that the family institution and the welfare of orphans are safeguarded.

Keywords: Orphans, Caregivers, Awareness

Received: 10 March 2019

Revised: 17 July 2019

Accepted: 6 August 2019

PENDAHULUAN

Bapa merupakan tunggak sebuah keluarga yang berperanan untuk menjaga, memelihara, menguruskan serta memastikan keperluan anak-anak terpelihara. Apabila berlaku kematian terhadap bapa maka tanggungjawab ini akan beralih kepada wali yang akan menguruskan keperluan anak-anak yatim yang ditinggalkan sehingga mereka berkahwin dan mampu menguruskan diri sendiri. Peranan dan tanggungjawab wali tidak hanya terbatas dalam urusan nikah sahaja, malah wali turut bertanggungjawab menanggung nafkah makan, minum, pakaian, tempat tinggal dan pendidikan anak-anak yatim mengikut kadar kemampuan mereka. Konsep wali yang disusun oleh Allah SWT memperlihatkan keindahan Islam dalam membentuk sebuah masyarakat harmoni yang mengambil berat dan prihatin terhadap golongan lemah sehingga mereka mampu hidup berdikari. Maka kertas kerja ini menghuraikan tanggungjawab dan peranan wali khusus kepada anak-anak yatim. Ia sekaligus memberi faham bahawa tugas memelihara dan memberi nafkah kepada anak yatim juga merupakan tanggungjawab keluarga sebelah bapa seperti datuk dan bapa-bapa saudara. Tanggungjawab ini bukan hanya terletak kepada ibu dan ahli masyarakat yang menyediakan rumah-rumah perlindungan anak-anak yatim.

Secara asalnya, individu yang berhak untuk mengambil alih pengurusan harta anak-anak yatim adalah individu yang telah diwasiatkan oleh bapa kepada anak tersebut untuk menjaga harta mereka. Sama ada orang yang diwasiatkan tersebut tergolong dari kalangan kaum kerabatnya seperti si ibu, bapa saudara, datuk, atau selain mereka. Sekiranya si ayah tidak membuat sebarang wasiat berkenaan hal tersebut, maka tanggungjawab menguruskannya adalah terletak pada datuk bagi anak tersebut iaitu ayah kepada si mati. Manakala jika datuknya tiada, hak pengurusan anak tersebut adalah pada ibunya, ataupun dari kaum kerabatnya seperti saudara lelaki, bapa saudara, dan seumpamanya.

Menurut Syaikhul Islam Ibn Taimiyyah Rahimahullah beliau berkata: “Wilayah (penguasaan) ke atas anak-anak kecil, orang gila, golongan safih (bodoh dan lemah akalnya), terletak pada keseluruhan kaum kerabat”. Lihat *Al-Fatawa Al-Kubra*, Ibn Taimiyyah (5/397). Bahkan kata beliau lagi: “Tidak dibolehkan untuk diberikan kuasa menguruskan harta anak-anak yatim melainkan kepada seseorang yang kuat, mempunyai kepakaran terhadap apa yang telah dipertanggungjawabkan ke atasnya, amanah dalam menguruskannya, dan menjadi suatu kewajipan sekiranya wali (pengurus harta) tersebut tidak bersifat dengan ciri-ciri yang disebutkan ini untuk ditukar kepada wali yang lebih layak daripadanya”. Rujuk *Majmu’ Al-Fatawa*, Ibn Taimiyyah (30/44).

OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini adalah:

- Mengkaji peranan wali terhadap anak yatim.
- Meneroka pengamalan dan pengurusan anak yatim.
- Mengenalpasti tahap kesedaran masyarakat terhadap peranan wali kepada anak yatim.

METODOLOGI KAJIAN

Penggunaan metodologi penyelidikan dalam menghasilkan kajian bersifat ilmiah sangat penting. Suatu penyelidikan akan tinggi mutunya apabila metodologi yang digunakan tepat dan sesuai dengan objektif dan tujuannya. Perkara ini amat penting bagi melihat kaedah yang dirangka boleh mencapai objektif kajian yang dicadangkan. Metodologi penyelidikan adalah kaedah yang akan digunakan untuk mengumpul dan menganalisis data. Iaitu bertujuan untuk mengenalpasti kesedaran masyarakat terhadap peranan wali kepada anak yatim di Negeri Selangor. Untuk memastikan kajian ini berjalan lancar, penentuan metodologi terlebih dahulu adalah sangat penting. Hal ini akan menyebabkan hasil kajian yang diperoleh boleh dipercayai dan relevan. kaedah yang digunakan untuk mengumpul data yang digunakan oleh pengkaji menggunakan borang soal selidik yang diedarkan kepada 90 orang responden yang terdiri daripada pelbagai golongan. Kajian bertujuan untuk mengetahui tahap kesedaran masyarakat terhadap peranan wali kepada anak yatim di Negeri Selangor. Pengkaji menggunakan bahasa melayu di dalam borang soal selidik sebagai bahasa pengantara. Borang soal selidik mengandungi 5 bahagian iaitu bahagian A,B,C,D dan E. Bahagian A adalah berkaitan dengan profil demografi responden. Bahagian B pula berkaitan dengan maklumat kesedaran masyarakat terhadap penjagaan anak yatim. Manakala bahagian C pula berkaitan dengan kesedaran masyarakat terhadap pengurusan nafkah anak yatim. Seterusnya bahagian D pula berkaitan dengan kesedaran masyarakat terhadap pengurusan harta anak yatim dan bahagian E pula berkaitan dengan kesedaran masyarakat terhadap pengurusan anak yatim. Berdasarkan Skala Likert iaitu Sangat Tidak Setuju (STS), Tidak Setuju (TS), Tidak Pasti (TP), Setuju (S) dan Sangat Setuju (SS) Data dan maklum balas yang diperolehi diproses dan dianalisa secara kuantitatif menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for the Social Science) versi 13 bagi mendapatkan kekerapan, peratus dan min.

INSTRUMEN KAJIAN

Instrumen utama pengumpulan data mentah kajian ini adalah borang soal-selidik “Survei Kesedaran Masyarakat Terhadap Peranan Wali Kepada Anak Yatim Di Negeri Selangor.” Soal selidik kajian menggunakan skala Likert dengan menyediakan lima pilihan jawapan yang dibina berdasarkan rujukan Vagias (2006). Instrumen kajian ini bukanlah sebuah instrumen berpiawaian (standardized questionnaire) yang terbukti nilai kebolehpercayaan (reliability) dan kesahannya (validity), justeru itu, kajian rintis telah dilakukan bagi memastikan instrumen ini sah digunakan dan sesuai dengan konteks sosio-budaya tempatan. Instrumen ini dibina berpandukan objektif dan skop kajian serta berpandukan kajian terdahulu yang telah dijalankan oleh Sufean dan rakan-rakan (2004).

BAHAN DAN KAEDAH PENYELIDIKAN

1. Subjek dan pensampelan kajian

Populasi utama survei yang menggunakan teknik lapor-sendiri (self-report) ini adalah masyarakat awam yang berumur lingkungan 20-70 tahun yang terdiri daripada wakil kepada anak yatim, pengurus anak yatim, ibu tunggal atau balu dan lain-lain . Peringkat umur ini

dipilih kerana usia 20 tahun merupakan umur awal masyarakat yang lazimnya mula memahami terhadap peranan wali kepada anak yatim (Sufean et al. 2004). Seramai 41 orang yang berusia 20 ke 30 tahun, seramai 20 orang yang berusia 31 ke 40 tahun, seramai 17 orang yang berusia 41 ke 50 tahun, seramai 8 orang yang berusia 51 ke 60 tahun dan seramai 4 orang yang berusia 61 tahun ke atas ; iaitu 33 orang (36.7%) lelaki dan 57 orang (63.3%) perempuan telah menyertai kajian rintis (pilot study) ini. Najib (1999) mengatakan untuk menjalankan kajian rintis, memadai 10 soal-selidik digunakan. Walau bagaimanapun, bagi kajian ini pengkaji telah melebihi responden dengan menjalankan ujian rintis terhadap 90 responden bagi menguji kesahan dan kebolehpercayaan item-item dalam soal-selidik. Kajian ini merupakan sebuah kajian yang menilai kesedaran masyarakat terhadap peranan wali kepada anak yatim di Negeri Selangor, justeru responden yang diperlukan adalah terdiri daripada masyarakat awam yang terdiri daripada pelbagai latar belakang. Maka, kaedah pensampelan yang digunakan dalam pemilihan responden kajian adalah teknik pensampelan bertujuan (purposive sampling method).

DAPATAN KAJIAN

Kajian rintis dan kajian sebenar telah dijalankan dalam kajian ini. Tujuannya adalah untuk melihat kestabilan nilai Cronbach Alpha yang diperoleh melalui kajian rintis dan kajian sebenar. Bagi menentukan sama ada item yang dibina diterima atau disingkirkan, penyelidik membuat perbandingan nilai Cronbach Alpha jika item disingkirkan (Alpha If Item Deleted) bagi setiap item dengan nilai Cronbach Alpha bagi konstruk yang terlibat dalam instrumen tersebut. Selain itu, nilai Cronbach Alpha yang diperoleh daripada kedua-dua kajian diinterpretasi berdasarkan Jadual Nilai Kebolehpercayaan. Kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi kelima-lima konstruk dalam kajian rintis berada antara 0.722 dan 0.945. Manakala, kebolehpercayaan Cronbach Alpha bagi kelima-lima konstruk dalam kajian sebenar berada antara 0.813 dan 0.940. Tambahan pula, nilai keseluruhan Cronbach Alpha instrumen penilaian bagi kajian rintis dan kajian sebenar masing-masing menunjukkan 0.955 dan 0.946 yang berada pada tahap amat baik.

Data-data yang diperoleh dianalisis menggunakan Statistical Program for Social Science (SPSS). Data yang dipungut melalui pendekatan kuantitatif iaitu yang menggunakan instrumen soal selidik akan dianalisis menggunakan kaedah statistik deskriptif dan statistik inferensi. Perkara-perkara yang akan dilakukan semasa menganalisis data-data soal selidik ialah analisis pengesahan faktor, ujian normaliti, kekerapan dan kecenderungan memusat, sukatan serakan, korelasi dan ujian perbandingan min untuk menganalisis hipotesis kajian.

KEPUTUSAN KAJIAN

Analisis ujian rintis kesedaran masyarakat terhadap peranan wali kepada anak yatim di Negeri Selangor

1.1 Analisis Demografi

1.1.1 Jantina

Jadual 1: Jantina

Perkara	Jumlah	Peratusan
Lelaki	33	36.7
Perempuan	57	63.3
Total	90	100.0

Jadual 1 menunjukkan taburan mengikut jantina responden, seramai 33 orang lelaki (36.7%) dan 57 orang perempuan (63.3%).

Jadual 2: Umur

Perkara	Jumlah	Peratusan
20-30 Tahun	41	45.6
31-40 Tahun	20	22.2
41-50 Tahun	17	18.9
51-60 Tahun	8	8.9
61 Tahun ke atas	4	4.4
Total	90	100.0

Jadual 2 menunjukkan taburan umur responden yang terdiri daripada 20 tahun sehingga 61 tahun ke atas. Responden yang berumur 20-30 tahun adalah yang tertinggi dengan jumlah 41 orang (45.6%) diikuti dengan responden berumur 31-40 tahun seramai 20 orang (22.2%). Seterusnya, responden berumur 41-50 tahun seramai 17 orang (18.9%), responden berumur 51-60 tahun seramai 8 orang (8.9%) dan responden berumur 61 tahun ke atas seramai 4 orang (4.4%).

1.1.3 Status Perkahwinan

Jadual 3: Status Perkahwinan

Perkara	Jumlah	Peratusan
Bujang	45	50.0

Berkahwin	45	50.0
Total	90	100.0

Bedasarkan Jadual 3 didapati status perkahwinan bagi bujang dan berkahwin masing-masing seramai 45 orang (50.0%).

1.1.4 Taraf Pendidikan

Jadual 4: Taraf Pendidikan

Perkara	Jumlah	Peratusan
PMR/SRP	3	3.3
SPM/O-Level/Sijil	11	12.2
STPM	5	5.6
Diploma	8	8.9
Sarjana Muda	34	37.8
Sarjana	25	27.8
PhD	4	4.4
Total	90	100.0

Jadual 4 menunjukkan taburan bagi taraf pendidikan responden kajian. Responden yang memiliki Ijazah Sarjana Muda adalah yang paling tinggi seramai 34 orang (37.8%) diikuti dengan Sarjana seramai 25 orang (27.8%). Seterusnya bagi responden yang memiliki SPM/O-level/Sijil seramai 11 orang (12.2%), responden yang memiliki Diploma seramai 8 orang (8.9%), responden yang memiliki STPM seramai 5 orang (5.6%), responden yang memiliki PhD seramai 4 orang (4.4%) dan akhir sekali bagi responden yang memiliki pendidikan peringkat PMR/SRP seramai 3 orang (3.3%).

1.1.5 Pekerjaan

Jadual 5: Pekerjaan

Perkara	Jumlah	Peratusan
Kerajaan	6	6.7

Bukan Kerajaan	39	43.3
Pesara	1	1.1
Tidak bekerja	44	48.9
Total	90	100.0

Jadual 5 menunjukkan taburan pekerjaan responden. Dapatan kajian mendapati seramai 44 orang tidak bekerja (48.9%), 39 orang bekerja di sektor bukan kerajaan (43.3%), 6 orang bekerja di sektor kerajaan (6.7%) dan 1 orang merupakan pesara (1.1%).

1.1.6 Kategori Individu

Jadual 6: Kategori Individu

Perkara	Jumlah	Peratusan
Wakil kepada Anak Yatim	4	4.4
Pengurus Anak Yatim	1	1.1
Ibu Tunggal/Balu	1	1.1
Lain-lain	84	93.3
Total	90	100.0

Jadual 6 menunjukkan taburan kategori individu bagi responden kajian. Dapatan bagi kategori wakil kepada anak yatim seramai 4 orang (4.4%), pengurus anak yatim dan Ibu tunggal/balu masing-masing seramai 1 orang (1.1%) dan bagi kategori lain-lain seramai 84 orang (92.3%).

1.2 Analisis Kebolehpercayaan (*Cronbach's Alpha*)

1.2.1 Kesedaran Masyarakat terhadap Penjagaan Anak Yatim

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.510	10

Analisis kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* dari aspek kesedaran masyarakat terhadap penjagaan anak yatim ialah .510 (10 item), kurang dari aras kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* yang ditetapkan iaitu .600.

Oleh yang demikian Analisis "*Scale if Item Deleted*" dibuat untuk melihat item yang perlu dibuang untuk meningkatkan nilai *Cronbach's Alpha*. Jadual di bawah menunjukkan analisis "*Scale if Item Deleted*". Analisis mendapati sekiranya item "Wali tidak dipertanggungjawabkan untuk menjaga anak yatim" dibuang nilai *Cronbach's Alpha* akan meningkat menjadi .727 melebihi aras kebolehpercayaan yang ditetapkan iaitu .600.

Item-Total Statistics

	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	<i>Cronbach's Alpha if Item Deleted</i>
Wali ialah orang diberi kuasa syarak untuk mengurus sesuatu perkara.	38.71	8.005	.412	.428
Wali sebagai pengganti bapa kepada anak yatim.	38.63	8.167	.467	.425
Syarat-syarat wali ialah lelaki, baligh, merdeka, Islam dan berakal.	38.46	8.745	.416	.455
Anak yatim memerlukan kasih sayang seorang bapa.	38.71	7.983	.455	.420
Islam menjaga hak-hak anak yatim.	38.38	8.687	.411	.453
Hak seorang anak yatim bermula setelah kematian bapa.	38.80	8.342	.219	.483
Menjaga anak yatim merupakan salah satu tanggungjawab wali.	38.74	7.855	.408	.424

Keadilan merupakan pra syarat utama yang perlu ada pada seorang wali anak yatim.	38.58	8.292	.439	.434
<i>Wali tidak dipertanggungjawabkan untuk menjaga anak yatim.</i>	41.09	10.194	-.235	.727
Pemerintah perlu bertanggungjawab kepada anak yatim yang tidak mempunyai wali.	38.90	8.900	.082	.528

Analisis Kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* aspek kesedaran masyarakat terhadap penjagaan anak yatim setelah buang item “Wali tidak dipertanggungjawabkan untuk menjaga anak yatim” meningkat menjadi .727 melebihi nilai yang ditetapkan .600.

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.727	9

Item-Total Statistics

	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item-Total Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
Wali ialah orang diberi kuasa syarak untuk mengurus sesuatu perkara.	36.58	7.887	.508	.682
Wali sebagai pengganti bapa kepada anak yatim.	36.50	8.051	.578	.675

Syarat-syarat wali ialah lelaki, baligh, merdeka, Islam dan berakal.	36.32	8.603	.565	.687
Anak yatim memerlukan kasih sayang seorang bapa.	36.58	7.977	.520	.681
Islam menjaga hak-hak anak yatim.	36.24	8.928	.398	.706
Hak seorang anak yatim bermula setelah kematian bapa.	36.67	8.427	.247	.738
Menjaga anak yatim merupakan salah satu tanggungjawab wali.	36.61	7.836	.470	.689
Keadilan merupakan pra syarat utama yang perlu ada pada seorang wali anak yatim.	36.44	8.115	.571	.676
Pemerintah perlu bertanggungjawab kepada anak yatim yang tidak mempunyai wali.	36.77	9.147	.076	.775

1.2.2 Kesedaran Masyarakat terhadap Pengurusan Nafkah Anak Yatim

Reliability Statistics

Cronbach's	
Alpha	N of Items
.803	10

Analisis kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* dari aspek kesedaran masyarakat terhadap pengurusan nafkah anak yatim ialah .803 (10 item), melebihi aras kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* yang ditetapkan iaitu .600.

1.2.3 Kesedaran Masyarakat terhadap Pengurusan Harta Anak Yatim

Reliability Statistics

Cronbach's	
Alpha	N of Items
.536	10

Analisis kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* dari aspek kesedaran masyarakat terhadap pengurusan harta anak yatim ialah .536 (10 item), kurang dari aras kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* yang ditetapkan iaitu .600.

Oleh yang demikian Analisis "*Scale if Item Deleted*" dibuat untuk melihat item yang perlu dibuang untuk menaikkan nilai *Cronbach's Alpha*. Jadual di bawah menunjukkan analisis "*Scale if Item Deleted*".

Item-Total Statistics

	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item- Total Correlation	<i>Cronbach's Alpha if Item Deleted</i>
Wali yang menguruskan harta anak yatim mestilah seorang yang amanah.	35.57	18.833	.041	.542
Organisasi atau wali yang mengurus harta anak yatim perlu mempunyai akaun rasmi.	35.99	16.034	.512	.462
Pemerintah perlu mengaudit akaun rasmi milik organisasi atau wali bagi mengelakkan pecah amanah.	36.07	16.400	.286	.497
Harta anak yatim boleh dikembangkan untuk mendapat pulangan.	36.59	15.121	.294	.489
Penyelewengan harta anak yatim adalah haram dan wajib diganti.	35.80	16.971	.194	.519

Wali anak yatim lebih mementingkan hak harta pusaka, berbanding tanggungjawab mereka kepada anak yatim.	37.12	13.457	.352	.465
Wali boleh menjual harta anak yatim dan menggunakannya tanpa batasan.	38.53	16.252	.079	.576
Harta anak yatim hanya digunakan untuk kepentingan mereka sahaja.	36.52	15.264	.230	.513
Harta anak yatim perlu diuruskan oleh organisasi yang berintergriti.	36.16	15.504	.354	.475
Harta anak yatim adalah amanah yang perlu diurus dengan baik.	35.66	18.498	.078	.540

1.2.4 Kesedaran Masyarakat terhadap Pengurusan Anak Yatim

Reliability Statistics

Cronbach's Alpha	N of Items
.481	10

Analisis kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* dari aspek kesedaran masyarakat terhadap pengurusan anak yatim ialah .481 (10 item), kurang dari aras kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* yang ditetapkan iaitu .600.

Oleh yang demikian Analisis "*Scale if Item Deleted*" dibuat untuk melihat item yang perlu dibuang untuk meningkatkan nilai *Cronbach's Alpha*. Jadual di bawah menunjukkan analisis "*Scale if Item Deleted*".

Item-Total Statistics

	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item- Total Correlation	<i>Cronbach's Alpha if Item Deleted</i>
Rumah anak yatim menyediakan pendidikan yang sempurna.	34.28	10.877	.299	.426
Pusat jagaan anak yatim di Selangor sudah mencukupi.	35.09	9.677	.449	.364
Terdapat banyak pusat jagaan anak yatim di Selangor bagi memberi perlindungan kepada anak-anak yatim.	34.68	10.288	.424	.387
Anak yatim yang dihantar ke pusat jagaan adalah daripada keluarga yang tidak berkemampuan.	34.68	10.558	.201	.454
Wali boleh berlepas tangan setelah menghantar anak yatim ke pusat jagaan.	36.13	9.892	.187	.468
Sumber utama kewangan pusat jagaan anak yatim adalah daripada sumbangan ahli masyarakat.	34.57	10.630	.268	.430
Anak yatim yang dihantar ke pusat jagaan tanpa sokongan daripada keluarga boleh mengalami kemurungan.	34.33	11.011	.315	.425
Pusat jagaan perlu berasaskan kebajikan bagi menjaga nasib anak yatim.	33.92	11.016	.390	.414
Pusat jagaan anak yatim ditubuhkan bertujuan menguruskan mereka.	34.30	14.257	-.314	.633

Pengurusan pusat jagaan yang sistematik perlu bagi mengelakkan pengabaian anak-anak yatim.	33.72	12.091	.124	.474
--	-------	--------	------	-------------

Analisis Kebolehpercayaan *Cronbach's Alpha* aspek kesedaran masyarakat terhadap pengurusan anak yatim setelah buang item “Wali tidak dipertanggungjawabkan untuk menjaga anak yatim” meningkat menjadi .633 melebihi nilai yang ditetapkan .600.

Reliability Statistics

Cronbach's	
Alpha	N of Items
.633	9

Item-Total Statistics

	Scale Mean if Item Deleted	Scale Variance if Item Deleted	Corrected Item- Total Correlation	Cronbach's Alpha if Item Deleted
Rumah anak yatim menyediakan pendidikan yang sempurna.	30.17	12.208	.292	.610
Pusat jagaan anak yatim di Selangor sudah mencukupi.	30.98	10.561	.518	.550
Terdapat banyak pusat jagaan anak yatim di Selangor bagi memberi perlindungan kepada anak-anak yatim.	30.57	11.282	.482	.567
Anak yatim yang dihantar ke pusat jagaan adalah daripada keluarga yang tidak berkemampuan.	30.57	11.754	.218	.634

Wali boleh berlepas tangan setelah menghantar anak yatim ke pusat jagaan.	32.02	9.932	.359	.601
Sumber utama kewangan pusat jagaan anak yatim adalah daripada sumbangan ahli masyarakat.	30.46	11.756	.299	.608
Anak yatim yang dihantar ke pusat jagaan tanpa sokongan daripada keluarga boleh mengalami kemurungan.	30.22	12.265	.326	.604
Pusat jagaan perlu berasaskan kebajikan bagi menjaga nasib anak yatim.	29.81	12.694	.293	.612
Pengurusan pusat jagaan yang sistematik perlu bagi mengelakkan pengabaian anak-anak yatim.	29.61	13.589	.089	.644

1.3 Analisis Min

Bagi mengukur tahap analisis min dan sisihan piawai bagi setiap item yang dikaji, pengkaji membahagikan skor min kepada tiga aras seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 7.

Jadual 7:

Pembahagian Skor Mengikut Tahap

Min	Tahap
1.00 - 2.33	Rendah
2.34 - 3.66	Sederhana

3.67 - 5.00	Tinggi
-------------	--------

1.3.5 Analisis Min Keseluruhan

Jadual 8:
Kesedaran Penjagaan Anak Yatim

Item	Min	SP
Kesedaran masyarakat terhadap penjagaan anak yatim	4.32	.31579
Kesedaran masyarakat terhadap pengurusan nafkah anak yatim	4.10	.45331
Kesedaran masyarakat terhadap pengurusan harta anak yatim	4.04	.43656
Kesedaran masyarakat terhadap pengurusan anak yatim	3.84	.35880

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

Dapatan kajian menunjukkan tahap kesedaran masyarakat terhadap peranan wali kepada anak yatim di negeri Selangor diukur menerusi empat dimensi iaitu kesedaran masyarakat terhadap penjagaan, pengurusan nafkah, pengurusan harta dan pengurusan anak yatim. Berdasarkan Jadual 8 di atas menunjukkan bahawa skor kesedaran masyarakat terhadap penjagaan anak yatim (Min: 4.32, SP: .31579), kesedaran masyarakat terhadap pengurusan nafkah anak yatim (Min: 4.10, SP: 0.45331), kesedaran masyarakat terhadap pengurusan harta anak yatim (Min: 4.04, SP: .43656) dan kesedaran masyarakat terhadap pengurusan anak yatim (Min: 3.84, SP: .35880) adalah berada pada tahap skor yang tinggi.

1.3.1 Kesedaran Masyarakat terhadap Penjagaan Anak Yatim

Jadual 9:
Kesedaran Penjagaan Anak Yatim

Item	Min	SP
Islam menjaga hak-hak anak yatim.	4.84	.447

Syarat-syarat wali ialah lelaki, baligh, merdeka, Islam dan berakal.	4.77	.425
Keadilan merupakan pra syarat utama yang perlu ada pada seorang wali anak yatim.	4.64	.547
Wali sebagai pengganti bapa kepada anak yatim.	4.59	.559
Wali ialah orang diberi kuasa syarak untuk mengurus sesuatu perkara.	4.51	.658
Anak yatim memerlukan kasih sayang seorang bapa.	4.51	.623
Menjaga anak yatim merupakan salah satu tanggungjawab wali.	4.48	.707
Hak seorang anak yatim bermula setelah kematian bapa.	4.42	.793
Pemerintah perlu bertanggungjawab kepada anak yatim yang tidak mempunyai wali.	4.32	.819
Wali tidak dipertanggungjawabkan untuk menjaga anak yatim.	2.13	1.334
Keseluruhan	4.32	.31579

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

Hasil kajian menunjukkan nilai min keseluruhan tahap kesedaran masyarakat terhadap penjagaan anak yatim berada pada (Min: 4.32, SP: .31579) berada pada skor yang tinggi. Jadual 9 menunjukkan nilai min bagi setiap item untuk mengukur tahap kesedaran masyarakat terhadap peranan wali dari aspek penjagaan anak yatim di negeri Selangor. Susunan item dalam jadual berdasarkan min yang tertinggi kepada yang terendah. Dalam aspek ini, item “Islam menjaga hak-hak anak yatim” mencatatkan nilai min yang paling tinggi (Min: 4.84, SP: .447). Manakala item “Wali tidak dipertanggungjawabkan untuk menjaga anak yatim” mencatatkan nilai min yang terendah iaitu (Min: 2.13, SD: 1.334).

1.3.2 Kesedaran Masyarakat terhadap Pengurusan Nafkah Anak Yatim

Jadual 10:
Kesedaran Pengurusan Nafkah Anak Yatim

Item	Min	SP
------	-----	----

Memberi nafkah kepada anak yatim adalah perintah Allah SWT.	4.54	.544
Pemerintah perlu menjaga kebajikan anak yatim.	4.43	.601
Kadar nafkah yang perlu diberikan oleh wali adalah mengikut kemampuannya.	4.31	.574
Wali bertanggungjawab memastikan anak yatim mendapat pendidikan yang sempurna.	4.27	.667
Kewajipan memberikan nafkah kepada anak yatim bermula daripada keluarga sebelah ayah.	4.24	.769
Wali bertanggungjawab untuk menanggung nafkah anak yatim.	4.19	.685
Wali perlu menanggung nafkah anak bagi keadaan bapa yang hilang, dipenjarakan dan sakit yang tidak mampu bekerja.	4.01	.786
Anak yatim yang miskin dan fakir, sumber nafkah adalah daripada harta wali.	3.87	.810
Tanggungjawab nafkah kepada anak yatim tidak terletak kepada ibu.	3.73	.946
Sumber nafkah anak yatim adalah daripada hartanya sendiri.	3.43	1.017
Keseluruhan	4.10	.45331

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

Hasil kajian menunjukkan nilai min keseluruhan tahap kesedaran masyarakat terhadap pengurusan nafkah anak yatim berada pada (Min: 4.10, SP: .45331) berada pada skor yang tinggi. Jadual 10 menunjukkan nilai min bagi setiap item untuk mengukur tahap kesedaran masyarakat terhadap peranan wali dari aspek pengurusan harta anak yatim di negeri Selangor. Susunan item dalam jadual berdasarkan min yang tertinggi kepada yang terendah. Dalam aspek ini, item “Memberi nafkah kepada anak yatim adalah perintah Allah SWT” mencatatkan nilai min yang paling tinggi (Min: 4.54, SP: .544). Manakala item “Sumber nafkah anak yatim adalah daripada hartanya sendiri.” mencatatkan nilai min yang terendah iaitu (Min: 3.43, SD: 1.017).

1.3.3 Kesedaran Masyarakat terhadap Pengurusan Harta Anak Yatim

Jadual 11:

Kesedaran Pengurusan Harta Anak Yatim

Item	Min	SP
Wali yang menguruskan harta anak yatim mestilah seorang yang amanah.	4.88	.329
Harta anak yatim adalah amanah yang perlu diurus dengan baik.	4.79	.486
Penyelewengan harta anak yatim adalah haram dan wajib diganti.	4.64	.852
Organisasi atau wali yang mengurus harta anak yatim perlu mempunyai akaun rasmi.	4.46	.639
Pemerintah perlu mengaudit akaun rasmi milik organisasi atau wali bagi mengelakkan pecah amanah.	4.38	.842
Harta anak yatim perlu diuruskan oleh organisasi yang berintergriti.	4.29	.951
Harta anak yatim hanya digunakan untuk kepentingan mereka sahaja.	3.92	1.247
Harta anak yatim boleh dikembangkan untuk mendapat pulangan.	3.86	1.147
Wali anak yatim lebih mementingkan hak harta pusaka, berbanding tanggungjawab mereka kepada anak yatim.	3.32	1.405
Wali boleh menjual harta anak yatim dan menggunakannya tanpa batasan.	1.91	1.387
Keseluruhan	4.04	.43656

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

Hasil kajian menunjukkan nilai min keseluruhan tahap kesedaran masyarakat terhadap pengurusan harta anak yatim berada pada (Min: 4.04, SP: .43656) berada pada skor yang tinggi. Jadual 11 menunjukkan nilai min bagi setiap item untuk mengukur tahap kesedaran masyarakat terhadap peranan wali dari aspek pengurusan harta anak yatim di negeri Selangor. Susunan item dalam jadual berdasarkan min yang tertinggi kepada yang terendah. Dalam aspek ini, item “Wali yang menguruskan harta anak yatim mestilah seorang yang amanah.” mencatatkan nilai min yang paling tinggi (Min: 4.88, SP: .329). Manakala item “Wali boleh menjual harta anak yatim dan menggunakannya tanpa batasan.” mencatatkan nilai min yang

terendah iaitu (Min: 1.91, SD: 1.387).

1.3.4 Kesedaran Masyarakat terhadap Pengurusan Anak Yatim

Jadual 12:
Kesedaran Pengurusan Nafkah Anak Yatim

Item	Min	SP
Pengurusan pusat jagaan yang sistematik perlu bagi mengelakkan pengabaian anak-anak yatim.	4.69	.554
Pusat jagaan perlu berasaskan kebajikan bagi menjaga nasib anak yatim.	4.49	.585
Rumah anak yatim menyediakan pendidikan yang sempurna.	4.13	.737
Pusat jagaan anak yatim ditubuhkan bertujuan menguruskan mereka.	4.11	1.033
Anak yatim yang dihantar ke pusat jagaan tanpa sokongan daripada keluarga boleh mengalami kemurungan.	4.08	.674
Sumber utama kewangan pusat jagaan anak yatim adalah daripada sumbangan ahli masyarakat.	3.84	.860
Anak yatim yang dihantar ke pusat jagaan adalah daripada keluarga yang tidak berkemampuan.	3.73	1.003
Terdapat banyak pusat jagaan anak yatim di Selangor bagi memberi perlindungan kepada anak-anak yatim.	3.73	.747
Pusat jagaan anak yatim di Selangor sudah mencukupi.	3.32	.872
Wali boleh berlepas tangan setelah menghantar anak yatim ke pusat jagaan.	2.28	1.236
Keseluruhan	3.84	.35880

(Tahap: Rendah = 1.00 – 2.33, Sederhana = 2.34 – 3.66, Tinggi = 3.67 – 5.00)

Hasil kajian menunjukkan nilai min keseluruhan tahap kesedaran masyarakat terhadap pengurusan anak yatim berada pada (Min: 3.84, SP: .35880) berada pada skor yang tinggi. Jadual 12 menunjukkan nilai min bagi setiap item untuk mengukur tahap kesedaran

masyarakat terhadap peranan wali dari aspek pengurusan anak yatim di negeri Selangor. Susunan item dalam jadual berdasarkan min yang tertinggi kepada yang terendah. Dalam aspek ini, item “Pengurusan pusat jagaan yang sistematik perlu bagi mengelakkan pengabaian anak-anak yatim.” mencatatkan nilai min yang paling tinggi (Min: 4.69, SP: .554). Manakala item “Wali boleh berlepas tangan setelah menghantar anak yatim ke pusat jagaan.” mencatatkan nilai min yang terendah iaitu (Min: 2.28, SD: 1.236).

PENUTUP

Kajian mengenai kesedaran masyarakat terhadap peranan wali kepada anak yatim di negeri selangor ini diharap akan dapat memberikan gambaran yang tepat untuk menilai samaada kesedaran masyarakat persekitaran memberikan kesan terhadap peranan wali kepada anak yatim. Manusia dijadikan oleh Allah SWT sebagai makhluk sosial yang memerlukan pertolongan daripada manusia lain. Sejak ia dilahirkan sehingga akhir hayatnya, memberi dan menerima pertolongan merupakan dua amalan yang lazim bagi setiap manusia yang normal. Manusia dilahirkan tanpa banyak naluri ataupun kebolehan semula jadi yang membolehkannya berdikari sepenuhnya. Malah dia dijadikan sebagai makhluk yang memerlukan berbagai-bagai keperluan yang hanya dapat dipenuhi melalui bantuan daripada manusia lain. Sejak peringkat bayi lagi, seorang manusia memerlukan penjagaan yang rapi daripada orang dewasa selama beberapa tahun. Umumnya, wali berkewajipan menjaga kebajikan anak-anak seperti makan-minum, pakaian, pendidikan dan belaian kasih sayang yang merupakan keperluan harian mereka. Di dalam Islam, menyediakan keperluan harian ini dikenali sebagai nafkah. Namun begitu, bagi anak tak sah taraf terdapat tiga pihak yang dipertanggungjawabkan memberi nafkah kepada mereka sama ada ibu atau waris ibu atau pemerintah (Zahratul Idami, 2012). Wali merupakan asas dan model utama dalam pembentukan personaliti sesorang anak. Oleh itu adalah penting bagi wali membina satu sistem yang positif dalam mendidik dan mengasuh anak - anak agar berupaya membentuk personaliti yang positif di kalangan mereka. Dengan personaliti positif yang ada pada pelajar, secara tidak langsung mampu mempengaruhi pencapaian akademik mereka.

RUJUKAN

- Abdul Halim, Lilia Halim, T. Subahan, Mohd Meerah & Kamisah Osman. (2010). *Pembangunan Instrumen Penyelesaian Masalah Sains*. Jurnal Pendidikan Malaysia, 35(1), 35 - 39.
- Mohd Najib Abd Ghafar. 1999. *Penyelidikan Pendidikan*. Johor: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Syaikh al-Islam Ibnu Taimiyyah rahimahullah (Wafat: 728H). *Judul: Majmu' Al-Fatawa (Kumpulan Fatwa Ibnu Taimiyyah)*. *Judul Asal ('Arab): Majmu' Al-Fatawa Syaikh Al-Islam*. Tahqiq: Amir Al-Jazzar & Anwar Al-Bazz. Penerbit: Pustaka Azzam. Halaman: 800, 28 Jilid.
- Shaykh al-Islam Ahmad Ibn Abdul Halim ibn Abdussalam ibn Taymiyyah (661-728). *Judul: Al-Fatawa Al-Kubra - Shaykh Al-Islam Ibn Taymiyyah*. Tahqiq & Taliq: Muhammad

- Abdul Qadir Ata & Mustafa Abdul Qadir Ata. Penerbit: Dar al Kotob al-Ilmiyah, Beirut, Lebanon. Halaman: 1700, 6 Jilid.
- Sufean, Siti Hajar Abu Bakar Ah & Abdul Hadi Zakaria. 2004. *Perlindungan Kanak-kanak Berisiko*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya
- Vagias, Wade M. 2006. Likert-type Scale Response Anchors. Clemson University. <http://www.clemson.edu/centersinstitutes/tourism/documents/sample-scales.pdf>
- Zahratul Idami. 2012. Penetapan Perwalian Bagi Anak Korban tsunami Oleh Mahkamah Syar'iah Kota Banda Aceh. Jurnal: *Dinamika Hukum*. Vol. 12. No. 1. Januari 2012.